KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

CyberSecurity MALAYSIA
An agency under MOSTI

SIARAN MEDIA

13 JUN 2017
UNTUK SIARAN SEGERA

KAEDAH PEMULIHAN DATA AKIBAT JANGKITAN 'RANSOMWARE WANNACRY'

SERI KEMBANGAN (13 JUN 2017) - CyberSecurity Malaysia, agensi pakar teknikal keselamatan siber di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini memaklumkan telah menemui kaedah alternatif untuk mendapatkan kembali fail atau data yang dikunci akibat serangan *Ransonware WannaCry*.

"Kini, pengguna Internet boleh mendapatkan semula fail asal dari komputer yang telah dijangkiti *Ransomware WannaCry*. Kaedah pemulihan data atau fail ini hanya boleh digunakan untuk jangkitan *Ransomware Wannacry* sahaja dan tidak dapat dilakukan untuk variasi Ransomware lain." jelas Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia, Dato' Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab.

Penemuan ini adalah hasil dari kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik keselamatan komputer CyberSecurity Malaysia, di mana ia telah mengesahkan bahawa *folder* berikut boleh digunakan untuk mendapatkan semula fail asal yang telah dikunci sebelumnya.

No.	*Path*	*Remark*
1.	*C:\Windows\TEMP*	*Located at system drive*
2.	*X:\$RECYCLE*	*Located at non-system drive; Hidden attribute*

Pengguna Internet dan pentabdir rangkaian sistem komputer boleh mendapatkan maklumat terperinci mengenai kaedah ini melalui laman sesawang CyberSecurity Malaysia menerusi portal MyCERT di:
https://www.mycert.org.my/en/services/advisories/mycert/2017/main/detail/1265/index.html

Serangan *Ransomware WannaCry* yang melanda dunia pada 12 Mei 2017 telah menjejaskan lebih 200,000 sistem komputer di lebih 100 buah negara di seluruh dunia. Pada

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)
Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999
www.cybersecurity.my

serangan tersebut, CyberSecurity Malaysia menerima tiga (3) laporan dari pengguna Internet sehingga kini.

Dato' Dr. Haji Amirudin tutur menegaskan bahawa semua pihak termasuk organisasi (pentadbir sistem) dan pengguna Internet supaya berwaspada dan mengamalkan penggunaan Internet secara positif dengan melaksanakan tindakan yang perlu untuk melindungi data/maklumat bagi menjamin keselamatan infrastruktur rangkaian mereka dari ancaman siber.

Pengguna Internet digesa agar membuat laporan mengenai serangan siber kepada CyberSecurity Malaysia bukan hanya melibatkan Ransomware malah ancaman-ancaman siber lain dengan menghubungi pusat bantuan Cyber999 melalui saluran berikut:

- E-mel: cyber999@cybersecurity.my atau mycert@mycert.org.my
- Telefon: 1-300-88-2999
- Fax: +603 89453442
- Mobile: +6019 2665850 (kejadian panggilan 24x7 laporan)
- SMS: aduan Cyber999 laporan e-mel ke 15888

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.
Untuk maklumat lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi: media@cybersecurity.my atau +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945)